



KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

Penyusunan semula agensi kerajaan melalui rombakan kabinet yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini turut menyaksikan pemindahan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) dan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang ke Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Saya menyambut baik penstrukturan dan penyusunan semula agensi tersebut yang dianggap sebagai satu langkah strategik untuk memperkukuh lagi peranan Kementerian dan agensi-agensinya berkenaan.

Kedua-dua agensi yang diletakkan di bawah KPN ini dilihat dapat membawa impak positif dalam jangka masa panjang terhadap pembangunan dan kemajuan masyarakat India Malaysia melalui pelaksanaan program-program berimpak tinggi sejajar dengan pemboleh daya perpaduan iaitu “memperkasakan komuniti minoriti dan rentan ekonomi” yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara.

KPN komited menambah baik pembangunan sosioekonomi masyarakat India melalui pemerkasaan pelbagai inisiatif dan program bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat India termasuk bidang pendidikan, ekonomi, dan sosial. Program peningkatan kemahiran, pembangunan modal insan dan peluang keusahawanan juga akan terus diperkukuh bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah masyarakat India yang berpendapatan rendah (B40).

Dalam kerangka Ekonomi MADANI turut ditekankan komitmen Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar semua kaum di Malaysia. Sehubungan dengan itu, KPN akan meneliti semula pelaksanaan Pelan Tindakan Masyarakat dalam memperkasakan komuniti India di Malaysia.

Saya berharap agar penstrukturan ini dapat membawa impak positif dan kesediaan kementerian untuk terus menangani isu pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
5 JANUARI 2024**